



PELAKSANAAN E-INVOIS DI MALAYSIA
SOALAN LAZIM (FAQs) BAGI INSURANS DAN TAKAFUL
(DIKEMAS KINI PADA 28 JANUARI 2025)

A. Umum

Bil.	Soalan	Maklum Balas
1.	Adakah syarikat insurans dibenarkan untuk mengeluarkan e-Invois disatukan bagi merekodkan pendapatan yang dijana daripada polisi insurans yang dijual kepada pemegang polisi yang tidak memerlukan e-Invois?	Ya, syarikat insurans dibenarkan untuk mengeluarkan e-Invois disatukan bagi transaksi di mana pemegang polisi tidak memerlukan e-Invois. Sila rujuk Seksyen 3.6, Garis Panduan Spesifik e-Invois untuk panduan lanjut.
2.	Adakah penyata premium tahunan boleh digunakan bagi tujuan e-Invois disatukan?	Ya, syarikat insurans dibenarkan menggunakan penyata premium tahunan bagi tujuan e-Invois disatukan, dalam kes di mana pemegang polisi tidak memerlukan e-Invois. Dalam kes di mana pemegang polisi tidak memerlukan e-Invois, syarikat insurans akan mengeluarkan penyata / bil biasa kepada pembeli (sama seperti amalan perniagaan semasa, di mana maklumat yang terkandung dalam penyata / bil tersebut tidak perlu dikemukakan untuk pengesahan LHDNM). Syarikat insurans dibenarkan untuk mengagregatkan penyata / bil bagi menjana dan mengemukakan e-Invois disatukan untuk pengesahan LHDNM selaras dengan tempoh

Bil.	Soalan	Maklum Balas
		pengeluaran semasa bagi penyata / bil. Pengemukaan tersebut hendaklah dibuat dalam tempoh tujuh (7) hari kalendar selepas akhir bulan pengeluaran penyata / bil. Sila rujuk Seksyen 4.3, Garis Panduan Spesifik e-Invois untuk panduan lanjut.
3.	Memandangkan penyata premium tahunan pertama hanya akan tersedia pada Februari / Mac 2025 yang meliputi keseluruhan premium tahunan yang dibayar dari Januari 2024 hingga Disember 2024, adakah data bagi keseluruhan tahun boleh dihantar pada Februari / Mac 2025 atau perlu mengecualikan tempoh dari Januari hingga Julai 2024 memandangkan tarikh pelaksanaan mandatori adalah pada 1 Ogos 2024?	Dalam kes di mana penyata premium tahunan pertama hanya tersedia pada Februari / Mac 2025 dan meliputi keseluruhan premium tahunan yang dibayar dari Januari 2024 hingga Disember 2024, penghantaran data bagi keseluruhan tahun pada Februari / Mac 2025 adalah dibenarkan. Tiada keperluan untuk mengecualikan tempoh dari Januari hingga Julai 2024.
4.	Memandangkan masa pengeluaran penyata premium yang hanya dikeluarkan kepada pemegang polisi sekali setahun, adakah pelanggan boleh meminta e-Invois yang telah disahkan daripada syarikat insurans secara ad-hoc di luar kitaran pengeluaran penyata yang biasa?	Pengeluaran e-Invois hendaklah mengikut proses semasa. Syarikat insurans hendaklah berkomunikasi dengan jelas kepada pelanggan dan menyediakan panduan yang diperlukan tentang cara untuk meminta e-Invois yang telah disahkan dalam proses yang ditetapkan (contohnya, permintaan e-Invois semasa kitaran pengeluaran penyata premium biasa).

Bil.	Soalan	Maklum Balas
5.	Adakah pemegang polisi individu boleh meminta e-Invois walaupun bagi produk yang tidak layak untuk pelepasan cukai?	Sebagai prinsip am, pembeli bagi tujuan e-Invois merujuk kepada pemegang polisi. Apabila pembeli meminta e-Invois, syarikat insurans dikehendaki untuk mengeluarkan e-Invois.

B. Penajajaminan dan pengedaran

Bil.	Soalan	Maklum Balas
1.	Dengan pelaksanaan e-Invois, adakah syarikat insurans dikehendaki menyatakan butiran pecahan premium yang dibayar bagi polisi insurans dalam e-Invois?	Ya, bagi tujuan e-Invois, syarikat insurans dikehendaki menyatakan butiran pecahan premium yang dibayar bagi polisi insurans dalam e-Invois (contohnya, Hayat / Perubatan / Lain-lain) dan memasukkan kod klasifikasi yang sesuai, seperti: • 014: Insurans – Manfaat pendidikan dan perubatan • 015: Insurans – Insurans takaful atau hayat • 022: Lain-lain • 024: Skim persaraan swasta atau skim anuiti tertangguh

Bil.	Soalan	Maklum Balas
2.	Maklumat pihak manakah yang hendak digunakan sebagai maklumat pembeli bagi polisi insurans bersama (contohnya, insurans kebakaran) yang melibatkan dua (2) pemegang polisi di bawah satu (1) polisi tunggal?	Proses semasa boleh dikekalkan, iaitu pengeluaran satu (1) e-Invois bagi satu (1) polisi insurans. Dalam situasi pemegang polisi bersama, pemegang polisi utama yang akan menerima invois daripada syarikat insurans hendaklah dinyatakan sebagai pembeli dalam e-Invois. Walau bagaimanapun, sekiranya pemegang polisi yang lain meminta e-Invois, syarikat insurans dikehendaki mengeluarkan e-Invois berasingan kepada pemegang polisi tersebut.
3.	Pada masa ini, syarikat insurans akan memasukkan kutipan bagi pihak lain (contohnya, duti setem, yuran pihak ketiga dan lain-lain) dalam invois pemegang polisi, bersama dengan premium. Dengan pelaksanaan e-Invois, adakah amalan yang sama boleh diteruskan dan syarikat insurans dikehendaki mengubah amalan semasa tersebut?	Apabila e-Invois untuk kutipan bagi pihak lain dikeluarkan kepada syarikat insurans, kutipan bagi pihak lain tersebut hendaklah dimasukkan dalam e-Invois. Sila ambil perhatian bahawa kutipan bagi pihak lain oleh syarikat insurans daripada pemegang polisi mereka tidak akan diiktiraf sebagai pendapatan syarikat insurans dan kod pengelasan yang sesuai hendaklah dipilih oleh syarikat insurans. Apabila e-Invois untuk kutipan bagi pihak lain dikeluarkan terus kepada pemegang polisi, kutipan bagi pihak lain tidak perlu dimasukkan dalam e-Invois yang dikeluarkan oleh syarikat insurans.

Bil.	Soalan	Maklum Balas
4.	Secara amnya, jualan produk dan/atau perkhidmatan insurans melalui perantara dijalankan melalui dua (2) kaedah: Senario 1: Polisi induk antara syarikat insurans dan perantara dengan pelanggan akhir sebagai individu yang diinsuranskan Pada masa ini, perantara akan mengeluarkan invois / resit yang merekodkan premium yang diterima daripada pemegang polisi (iaitu, pelanggan akhir). Seterusnya, syarikat insurans akan mengeluarkan invois lain kepada perantara berkaitan premium yang diterima daripada perantara. Syarikat insurans boleh terus menyerahkan nota perlindungan / polisi insurans kepada pelanggan sebagai individu yang diinsuranskan manakala perantara dinyatakan sebagai pemegang polisi induk.	Layanan e-Invois berkaitan dengan senario yang dinyatakan adalah seperti berikut: Senario 1 Oleh kerana polisi induk adalah antara syarikat insurans dan perantara, syarikat insurans harus mengeluarkan e-Invois kepada perantara dan bukannya kepada pelanggan akhir. Seterusnya, perantara harus mengeluarkan e-Invois kepada pelanggan akhir untuk premium yang diterima. Dalam situasi di mana perantara tidak akan mengeluarkan e-Invois untuk premium yang diterima kepada pelanggan akhir, syarikat insurans harus mengeluarkan e-Invois terus kepada pelanggan akhir, bukannya kepada perantara.

Bil.	Soalan	Maklum Balas
	Senario 2: Polisi individu antara syarikat insurans dan pelanggan akhir Syarikat insurans akan mengeluarkan polisi individu kepada pelanggan akhir walaupun pelanggan membeli polisi melalui perantara. Premium mungkin atau mungkin tidak melalui perantara. Dalam hal ini, siapakah pihak yang sepatutnya mengeluarkan e-Invois?	Senario 2 Jika kontrak adalah antara syarikat insurans dan pelanggan akhir sebagai pemegang polisi (iaitu, perantara bukan pemegang polisi), maka e-Invois harus dikeluarkan kepada pemegang polisi, iaitu pelanggan akhir.
5.	Selepas polisi ditamatkan, adakah syarikat insurans dikehendaki mengeluarkan e-Invois nota bayaran balik kepada pemegang polisi untuk pemulangan premium?	Apabila penamatan polisi melibatkan pemulangan wang kepada pemegang polisi, e-Invois nota bayaran balik perlu dikeluarkan mengikut aturan bil / invois semasa syarikat, dengan pengecualian berikut: 1. Bayaran yang dibuat secara salah oleh pemegang polisi 2. Bayaran lebihan oleh pemegang polisi 3. Pemulangan deposit keselamatan
6.	Dalam kes di mana pemegang polisi berumur di bawah 18 tahun, butiran pihak mana yang harus digunakan sebagai butiran pembeli untuk pengeluaran e-Invois?	Sebagai prinsip am, pembeli bagi tujuan e-Invois merujuk kepada pemegang polisi. Walau bagaimanapun, memandangkan pemegang polisi dalam senario ini adalah di bawah umur, butiran pembeli hendaklah menggunakan butiran ibu bapa / penjaga / mana-mana pihak berkaitan yang relevan, mengikut kes yang berkenaan.

Bil.	Soalan	Maklum Balas
7.	Pada masa ini, pelanggan boleh meminta invoice berasingan dikeluarkan kepada entiti masing-masing di bawah polisi kumpulan induk untuk menyokong premium yang perlu dibayar / telah dibayar. Dengan pelaksanaan e-Invois, adakah amalan semasa masih dibenarkan atau e-Invois hendaklah dikeluarkan kepada pemegang polisi induk?	Sebagai prinsip am, pembeli bagi tujuan e-Invois merujuk kepada pemegang polisi. Jika polisi dikeluarkan secara individu kepada setiap entiti kumpulan, e-Invois hendaklah dikeluarkan kepada setiap entiti. Jika hanya satu (1) polisi kumpulan dikeluarkan, maka e-Invois akan dikeluarkan kepada pemegang polisi induk sahaja. Walau bagaimanapun, untuk memenuhi permintaan pelanggan supaya e-Invois berasingan dikeluarkan kepada entiti masing-masing di bawah polisi kumpulan induk, syarikat insurans boleh mengeluarkan e-Invois berasingan mengikut proses perniagaan semasa.
8.	Apabila majikan mengutip sumbangan insurans daripada pekerja mereka dan seterusnya membayar kepada syarikat insurans, kepada pihak manakah (sama ada pekerja atau majikan) e-Invois sepatutnya dikeluarkan oleh syarikat insurans?	Sebagai prinsip am, Pembeli bagi tujuan e-Invois merujuk kepada pemegang polisi. Jika pemegang polisi adalah pekerja, syarikat insurans hendaklah terus mengeluarkan e-Invois kepada pekerja. Sila ambil perhatian bahawa kutipan sumbangan insurans oleh majikan hanyalah sebagai mekanisme penyelesaian polisi insurans.

Bil.	Soalan	Maklum Balas
9.	Tunai sebelum perlindungan Dengan pengecualian bagi produk tertentu, secara amnya syarikat insurans dan takaful pada masa ini mengamalkan polisi tunai sebelum perlindungan (iaitu, orang yang diinsuranskan akan membuat pembayaran sebelum polisi dikeluarkan). Di bawah proses semasa bagi transaksi perniagaan-ke-perniagaan (B2B) / perniagaan kumpulan, invoice akan dikeluarkan semasa pengeluaran polisi atau apabila premium perlu dibayar. Bagi transaksi perniagaan-ke-pengguna (B2C), penyata tahunan akan dikeluarkan bagi polisi hayat / perubatan dan pendidikan. Dengan pelaksanaan e-Invoice, adakah amalan semasa masih dibenarkan?	Bagi tujuan e-Invoice, proses sedia ada boleh diteruskan.

Bil.	Soalan	Maklum Balas
10.	Apakah layanan e-Invois bagi perkhidmatan insurans semula dan pemulihan perbelanjaan daripada syarikat insurans semula oleh penerima sid / penerima serah (iaitu, syarikat insurans)?	Apabila syarikat insurans semula adalah syarikat tempatan atau cawangan tempatan bagi syarikat insurans semula asing, syarikat insurans semula tempatan dikehendaki mengeluarkan e-Invois kepada penerima sid / penerima serah (<i>cedant</i>). Apabila syarikat insurans semula adalah syarikat asing yang beroperasi di luar Malaysia, penerima sid / penerima serah dikehendaki mengeluarkan e-Invois bil sendiri. Penyata yang dimuktamadkan antara syarikat insurans semula dan syarikat insurans boleh digunakan untuk tujuan e-Invois. Sila rujuk Seksyen 4.2, Garis Panduan Spesifik e-Invois untuk panduan lanjut. Sila ambil perhatian bahawa maklumat yang dimasukkan dalam e-Invois boleh dipaparkan berdasarkan jumlah bersih (<i>net basis</i>).

C. Bayaran tuntutan dan manfaat

Bil.	Soalan	Maklum Balas
1.	Apakah layanan e-Invois bagi tuntutan insurans, pampasan insurans dan bayaran manfaat (seperti bayaran manfaat matang atau sebarang bentuk bayaran manfaat lain berdasarkan ciri produk) yang dibuat oleh syarikat insurans kepada pemegang polisi / benefisiari?	Syarikat insurans dikehendaki mengeluarkan e-Invois bil sendiri bagi tuntutan insurans, pampasan insurans dan bayaran manfaat kepada pemegang polisi / benefisiari, tanpa mengira sama ada pemegang polisi / benefisiari adalah individu atau perniagaan. Bagi tujuan e-Invois bil sendiri, pembekal ialah pemegang polisi / benefisiari, tanpa mengira kepada siapa tuntutan tersebut dibayar (contohnya hospital, bengkel, peguam dan lain-lain). Syarikat insurans dibenarkan mengeluarkan e-Invois bil sendiri disatukan bagi bayaran tuntutan dan manfaat kepada individu yang tidak menjalankan perniagaan.

Bil.	Soalan	Maklum Balas
2.	Adakah e-Invois perlu dikeluarkan kepada bengkel / kontraktor salvaj bagi pelupusan skrap atau bangkai daripada aset yang rosak?	Layanan e-Invois hendaklah bergantung kepada pemilikan aset yang rosak: (i) Jika aset yang rosak milik pemegang polisi dipindahkan kepada syarikat insurans setelah tuntutan pampasan dibuat dan kemudiannya dilupuskan oleh syarikat insurans, maka syarikat insurans dikehendaki mengeluarkan e-Invois kepada bengkel / kontraktor salvaj bagi pelupusan aset yang rosak. (ii) Jika pemilik aset ialah pemegang polisi (contohnya syarikat, perkongsian liabiliti terhad, perkongsian, perniagaan yang dijalankan oleh individu dan lain-lain), e-Invois hendaklah dikeluarkan oleh pemegang polisi kepada bengkel / kontraktor salvaj bagi pelupusan aset yang rosak. (iii) Jika pemilik aset ialah pemegang polisi (contohnya individu yang tidak menjalankan perniagaan / individu bukan warganegara Malaysia / syarikat asing yang tidak beroperasi di Malaysia atau tidak ditubuhkan di Malaysia / orang yang dikecualikan di bawah Seksyen 1.6.1, Garis Panduan e-Invois), bengkel / kontraktor salvaj dikehendaki mengeluarkan e-Invois bil sendiri.

Bil.	Soalan	Maklum Balas
3.	Pengaturan sesama selesai (<i>knock-for-knock arrangement</i>) membenarkan pemegang polisi membuat tuntutan terhadap syarikat insurans mereka sendiri sementara siasatan masih dijalankan sekiranya berlaku kemalangan dengan kenderaan lain (contohnya, Kenderaan A dan Kenderaan B dalam senario ini). Selepas siasatan selesai, jika Pemandu B didapati bersalah, syarikat insurans Pemandu A boleh menuntut semula bayaran tuntutan yang telah dibuat kepada pemegang polisinya daripada syarikat insurans Pemandu B. Dengan pelaksanaan e-Invois, apakah layanan e-Invois bagi transaksi yang dinyatakan di atas?	Bagi tuntutan insurans yang diterima oleh Pemandu A dan Pemandu B daripada syarikat insurans masing-masing, sila rujuk Soalan No. 1 di bawah Bahagian C – Bayaran tuntutan dan manfaat untuk layanan e-Invois yang sesuai. Bagi tuntutan semula bayaran tuntutan daripada syarikat insurans Pemandu B kepada syarikat insurans Pemandu A, syarikat insurans Pemandu B dikehendaki mengeluarkan e-Invois bil sendiri kepada pemegang polisi (iaitu Pemandu B) walaupun bayaran dibuat kepada syarikat insurans Pemandu A. Jika syarikat insurans Pemandu A telah mengeluarkan e-Invois bil sendiri kepada Pemandu A sebelum tuntutan semula dibuat daripada syarikat insurans Pemandu B, syarikat insurans Pemandu A dikehendaki membatalkan e-Invois bil sendiri tersebut (jika tempoh 72 jam belum berakhir) atau mengeluarkan e-Invois nota kredit bil sendiri kepada Pemandu A (jika tempoh 72 jam telah berakhir). Syarikat insurans dibenarkan mengeluarkan e-Invois bil sendiri yang disatukan bagi bayaran tuntutan dan manfaat kepada individu yang tidak menjalankan perniagaan.

D. Bayaran kepada ejen, pengedar dan pengagih

Bil.	Soalan	Maklum Balas
1.	Jika syarikat insurans membayar yuran pendaftaran / yuran peperiksaan bagi pihak ejen kepada Persatuan Insurans / Badan Peperiksaan dan kemudiannya menuntut semula jumlah ini daripada ejen, adakah ini dianggap sebagai “pass-through”, di mana syarikat insurans tidak dikehendaki mengeluarkan e-Invois kepada ejen?	Jika e-Invois bagi yuran pendaftaran / yuran peperiksaan dikeluarkan oleh Persatuan Insurans / Badan Peperiksaan kepada syarikat insurans, LHDNM menghendaki pembayaran bagi pihak ejen dimasukkan dalam e-Invois yang dikeluarkan oleh syarikat insurans kepada ejen. Sila ambil perhatian bahawa jumlah yang dituntut semula oleh syarikat insurans daripada ejen mereka tidak akan diiktiraf sebagai pendapatan syarikat insurans dan kod pengelasan yang sesuai hendaklah dipilih oleh syarikat insurans. Jika e-Invois bagi yuran pendaftaran / yuran peperiksaan dikeluarkan terus oleh Persatuan Insurans / Badan Peperiksaan kepada ejen, jumlah tersebut tidak perlu dimasukkan dalam e-Invois yang dikeluarkan oleh syarikat insurans.

E. Lain-lain

Bil.	Soalan	Maklum Balas
1.	Adakah caj antara dana (contohnya, caj polisi berkaitan pelaburan, yuran wakalah, qard, pemindahan lebihan aktuari dan lain-lain) tertakluk kepada e-Invois?	e-Invois tidak diperlukan bagi caj antara dana (<i>interfund charges</i>) kerana ini merupakan transaksi dalam entiti undang-undang yang sama. Walau bagaimanapun, jika syarikat insurans pada masa ini mengeluarkan invois untuk merekodkan transaksi tersebut, syarikat insurans boleh meneruskan amalan semasa selepas pelaksanaan e-Invois.

Bil.	Soalan	Maklum Balas
2.	Isu Peralihan Bagaimanakah endorsemen polisi yang dikeluarkan selepas pelaksanaan e-Invois perlu dikendalikan dari segi No. ID Unik (<i>unique identifier number</i>) LHDNM?	Apabila syarikat insurans mengeluarkan e-Invois baharu bagi endorsemen polisi, tiada rujukan kepada invois asal (dikeluarkan sebelum pelaksanaan e-Invois) / e-Invois asal diperlukan. Apabila syarikat insurans mengeluarkan e-Invois nota debit / nota kredit / nota bayaran balik bagi endorsemen polisi, medan “Nombor Rujukan e-Invois Asal” perlu diisi berdasarkan perkara berikut: • Invois asal yang dikeluarkan sebelum pelaksanaan e-Invois: Isi dengan “NA” • e-Invois asal: Isi dengan No. ID Unik LHDNM yang berkaitan bagi e-Invois asal tersebut.
3.	Faedah ke atas pinjaman polisi / Faedah ke atas pinjaman premium automatik (APL) / faedah lewat Apabila premium tidak diterima oleh syarikat insurans daripada pemegang polisi selepas tempoh tangguh (<i>grace period</i>) 15 hingga 60 hari, Pinjaman Premium Automatik (APL) boleh diberikan oleh syarikat insurans, di mana premium dianggap telah dibayar menggunakan jumlah APL tetapi faedah dikenakan ke atas pemegang polisi sehingga dia menyelesaikan jumlah APL. Pada masa ini, tiada keperluan untuk	e-Invois hendaklah dikeluarkan bagi faedah ke atas pinjaman polisi / APL dan faedah lewat pembayaran. Syarikat insurans boleh memasukkan caj faedah ini dalam penyata berkala yang dikeluarkan kepada pemegang polisi mereka mengikut keperluan yang ditetapkan oleh LHDNM.

Bil.	Soalan	Maklum Balas
	mengeluarkan invoice bagi faedah ke atas pinjaman polisi / APL dan faedah lewat pembayaran. Dengan pelaksanaan e-Invoice, adakah e-Invoice perlu dikeluarkan bagi faedah ke atas pinjaman polisi / APL dan faedah lewat pembayaran?	
4.	Adakah perkara berikut tertakluk kepada e-Invoice: • Bonus yang dibayar kepada pemegang polisi • Pengagihan pembayaran lebihan / keuntungan pelaburan kepada peserta (sama ada dikreditkan ke akaun dana peserta atau dibayar tunai)?	Syarikat insurans dikehendaki mengeluarkan e-Invoice bil sendiri bagi bonus yang dibayar atau pengagihan pembayaran lebihan / keuntungan pelaburan kepada peserta, selaras dengan layanan e-Invoice yang dinyatakan di bawah Seksyen 11, Garis Panduan Spesifik e-Invoice.

Bil.	Soalan	Maklum Balas
5.	Bagi syarikat insurans am, apakah layanan e-Invois yang berkaitan dengan <i>Malaysian Motor Insurance Pool</i> (MMIP)?	<u>Premium MMIP daripada pemegang polisi</u> MMIP bertanggungjawab mengeluarkan e-Invois bagi premium yang dikenakan kepada pemegang polisi. <u>Perkongsian pendapatan dan perbelanjaan MMIP oleh syarikat insurans</u> Oleh kerana MMIP pada masa ini mengeluarkan penyata kepada syarikat insurans masing-masing yang memperincikan pendapatan dan perbelanjaan yang diagihkan, MMIP dibenarkan meneruskan amalan ini selepas pelaksanaan e-Invois. Penyata yang dimuktamadkan antara MMIP dan syarikat insurans boleh digunakan untuk tujuan e-Invois. Sila ambil perhatian bahawa maklumat yang dimasukkan dalam e-Invois boleh dipaparkan berdasarkan jumlah bersih (<i>net basis</i>). <u>Syarikat insurans sebagai ejen MMIP</u> MMIP dikehendaki mengeluarkan e-Invois bil sendiri bagi komisen yang diperoleh oleh syarikat insurans sebagai ejen MMIP.